

19/12/1997

Restoran MSC janjikan kepuasan

Mohd Rashidi Yusuf

GRIK: Ketika masyarakat negara ini sibuk memperkatakan Koridor Raya Multimedia (MSC), seorang kontraktor di Kampung Padang Kunyit, dekat sini tidak mahu ketinggalan dengan memperkenalkan MSCnya sendiri.

Bagaimanapun, MSC yang diusahakan Mohd Sadri Harun, 42, bukanlah membabitkan teknologi maklumat (IT) seperti yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebaliknya ia adalah sebuah restoran.

Mohd Sadri ketika ditemui, berkata dia tidak bermaksud menggunakan populariti MSC untuk menarik pelanggan, tetapi penggunaan nama berkenaan adalah secara kebetulan.

Menurutnya, nama penuh MSC yang digunakan itu ialah Mohamad Shahrulhazmi Cafeteria.

"Mohamad Shahrulhazmi adalah anak sulung saya yang berusia 19 tahun dan saya menggunakan namanya untuk restoran ini bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan," katanya.

Mohd Sadri berkata, restoran itu dibuka sejak beberapa bulan lalu mendapat perhatian orang ramai dan kini menjadi tumpuan penduduk tempatan dan pemandu yang melalui Jalan Kuala Kangsar-Grik.

Jalan berkenaan turut menjadi laluan utama yang menghubungkan Perak dengan Kelantan.

Menurutnya, dia memilih konsep senibina tradisional dengan menggunakan bahan binaan seperti kayu, buluh, rotan dan atap rumbia agar restoran itu kelihatan unik dan menarik.

Katanya, dia membelanjakan kira-kira RM50,000 bagi membina bangunan restoran itu.

"Selain itu, saya membelanjakan RM20,000 bagi membina lanskap di depan restoran bagi mengindahkan suasananya," katanya.

Mohd Sadri berkata, walaupun pemilihan nama sesuatu restoran penting untuk menarik perhatian orang ramai, mutu layanan dan keenakan makanan perlu diberi perhatian untuk menjamin kepuasan pelanggan.

Untuk itu, menurutnya, dia sering mengingatkan pekerjanya supaya melayan pelanggan dengan bersopan santun dan menyediakan perkhidmatan yang terbaik agar mereka datang lebih kerap.

Katanya, restoran MSC itu dibuka mulai jam 7 pagi hingga 12 malam dengan menghidangkan makanan ala kampung:

Selain menjual makanan di restoran, Mohd Sadri berkata, MSC menawarkan perkhidmatan katering kepada pelanggan yang ingin menempah masakan untuk sesuatu majlis.

Menurutnya, bagi menyediakan kemudahan kepada pengunjung dia bercadang melengkapkan restoran MSC dengan komputer yang mempunyai sambungan Internet.

(END)